

# Perak azam jadi penganjur sukan lasak terbaik

GERIK – Kerajaan negeri Perak berazam menjadikan acara sukan lasak Perak Amanjaya International Eco Adventure terbaik seperti Formula Satu (F1).

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, sukan lasak itu mampu menaikkan nama Malaysia dan ia akan diangkat menjadi program kelas pertama.

Katanya, penganjuran sukan itu satu pencapaian besar kepada negeri Perak dan juga negara.

"Ini adalah kali pertama program lasak seumpama ini diadakan di luar Eropah dan kali pertama diadakan di Asia.

"Perak dipilih saluran *ESPN StarWorld* untuk mengadakan sukan ini, sekali gus membantu mempromosi negara di mata dunia," katanya di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas upacara pelepasan peserta Perak Amanjaya Internatio-

nal Eco Adventure 2009 yang disempurnakan oleh Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah.

Sebanyak 16 pasukan yang diwakili atlet-atlet dalam kedudukan 50 terbaik dunia menyertai sukan lasak tersebut.

Pasukan terbabit masing-masing mewakili Sweden, Taiwan, Amerika Syarikat (dua pasukan), Jepun, United Kingdom (UK), New Zealand dan Perancis.

Turut menyahut cabaran ialah Australia, Afrika Selatan (dua pasukan), Kanada, Singapura, Finland, Mongolia dan Malaysia.

Perlumbaan tersebut memerlukan setiap pasukan yang dianggotai dua peserta menamatkan perjalanan sejauh 186 kilometer dalam tempoh 28 jam.

Ia melibatkan acara seperti menunggang basikal, berkayak, aktiviti menyusur hutan, menjelajah gua dan berenang.

Menurut Zambry, kerajaan negeri akan meneruskan program tersebut pada tahun depan dan menjangkakan dapat menarik lebih ramai penyertaan.

"Acara lasak ini akan dapat mempromosi negeri Perak kerana saluran sukan *ESPN StarWorld* ditonton oleh kira-kira 1.3 bilion penonton."

"Keunikan Hutan Belum yang mempunyai produk nilai semula jadi pasti akan menarik perhatian penonton untuk datang ke sini," katanya.

Sementara itu, pasukan New Zealand yang diwakili oleh Stephen Farrell dan Grant Team berjaya mengatasi 15 pasukan lain apabila muncul pasukan pertama menamatkan kelima-lima disiplin dengan catatan masa 2 jam, 45 minit, 32 saat.

Tempat kedua dimenangi Australia dengan catatan masa 2:47:47 saat, manakala tempat ketiga menjadi milik Amerika Syarikat (2:48:24 saat).



RAJA Dr. Nazrin Shah (tiga dari kanan) bersama para peserta kejohanan sukan lasak Perak Amanjaya International Eco Adventure 2009 menunjukkan isyarat 1Malaysia sebelum berlepas di Royal Belum Resort, Banding, kelmarin.